

## **MEMBASMI RADIKALISME MENERUSI TEKNOLOGI MAKLUMAT: PENGALAMAN SINGAPURA**

### **PENDAHULUAN**

1. Pemesatan teknologi maklumat dan perkembangan infrastruktur Internet dalam era globalisasi hari ini telah memberikan kesan yang mendalam kepada sosio-politik masyarakat sejagat. Salah satu medium terpenting yang menerajui proses globalisasi ialah wadah Internet. Dengan kemunculan media sosial yang kian popular dan menular, pelbagai cabaran baru yang harus ditempuh oleh masyarakat sejagat. Media sosial mengubah kehidupan masyarakat, ia menjelaskan kestabilan sosial dan keharmonian kaum, memberikan cabaran kepada penguasa politik dan agama.
2. Walaubagaimanapun, wadah Internet dan media sosial juga turut memberikan prospek dan manfaat kepada masyarakat dunia. Dalam penyebaran ilmu agama, Internet dan media sosial menyediakan platform dan sempadan tambahan daripada ruang fizikal yang terhad. Istilah 'Persekutaran Islam Siber', (Cyber Islamic Environment) diperkenalkan oleh penyelidik komunikasi, Gary R. Brunt yang menerangkan bagaimana masyarakat Islam telah menggunakan wadah Internet sebagai lanjutan dari ruang fizikal mereka, sebagai medium untuk mengukuhkan identiti keagamaan mereka dan berfungsi sebagai platform untuk pemahaman alternatif kepada wacana keagaam alternatif daripada wacana arus perdana yang disebarluaskan oleh media tradisional<sup>1</sup>. Ia mengeratkan masyarakat dunia menerusi globalisasi yang menjadikan dunia tanpa sempadan. Menerusi Internet dan media sosial, sebahagian daripada masyarakat Islam beranggapan bahawa gagasan *ummah* sejagat (*global ummah*) dapat direalisasikan. Ini bertepatan dengan konsep "*imagined community*" atau 'komuniti terbayang' yang diperkenalkan Benedict Anderson. Menurut beliau, "sesuatu masyarakat merupakan sebuah komuniti terbayang karena mustahil bagi individu anggotanya untuk benar-benar pernah berinteraksi sesama sendiri, menemui sesama mereka,

---

<sup>1</sup> Gary R Bunt,. *Virtually Islamic: Computer-mediated Communication and Cyber Islamic Environments*. Cardiff: University of Wales Press, 2000. hlm. 25

tetapi dalam fikiran masing-masing mempunyai imej komuniti mereka".<sup>2</sup> Walaubagaimanapun, apa yang membuatkan mereka menjadi "komuniti" adalah simbol atau ritual yang sama. Dalam era Internet dan media sosial ini, konsep "komuniti terbayang" dapat diperluaskan untuk dengan mengambil kira proses **interaksi alam maya**. Internet menjadikan dunia sebagai perkampungan global. Ia mengembangkan ruang awam masyarakat Islam dan menguatkan lagi identiti keagamaan mereka<sup>3</sup>.

3. Kebebasan wahana ini telah dieksplorasi oleh rangkaian penganas untuk menyebarkan fahaman radikalisme dan merekrut ahli-ahli dari pelbagai pelusuk dunia. Ini merupakan antara cabaran yang paling rumit menjejas umat Islam sejagat dan masyarakat global umumnya. Rangkaian penganas menggunakan wadah Internet dan media sosial untuk menyebarkan naratif Islam alternatif yang bersifat ekstrem. Mereka mengajak masyarakat Islam daripada negara yang berbeza untuk menolak autoriti agama arus perdana, dan mengajak mereka berhijrah dengan menggunakan slogan *ummah*. Fahaman radikalisme dan ekslusivisme seperti ini yang tersebar luas menerusi wadah Internet and media sosial perlu dibasmi bersama dan penyebarannya dikekang agar ancaman terrorisme dan ekstremisme dapat diluputkan.

4. Kertas kerja ini membincangkan bagaimana teknologi maklumat, menerusi wadah Internet dan media sosial mengancam kehidupan beragama masyarakat Islam Singapura. Ia akan mengenalpasti bagaimana fahaman-fahaman bersifat ekslusivisme and ekstremitisme telah berakar umbi di Internet dan media sosial dan bagaimana ia menjejas fahaman agama masyarakat Islam Singapura. Kertas kerja ini mengongsi beberapa usaha yang dilakukan Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) untuk menangani membasmi penyebaran propaganda radikalisme dan ekstremisme di media sosial.

---

<sup>2</sup> Benedict, Anderson. *Imagined Communities : Reflections on the Origin and Spread of Nationalism*. London: Verso, 1991, hlm 7.

<sup>3</sup> Dale F. Eickelman, Jon W. Anderson. "Redefining Muslim Publics." Dale F. Eickelman, Jon W. Anderson. *New Media In The Muslim World: The Emerging Public Sphere*. 2nd Edition. Bloomington: Indiana University Press, 2003, hlm. 1-18.

## PENYEBARAN PROPAGANDA RADIKALISME DI MEDIA SOSIAL

5. Fenomena radikalisme dan ancaman pengganasan puak pelampau agama bukanlah suatu fenomena yang baru. Sebelum kemunculan media sosial, pemahaman radikalisasi agama sering berlaku dalam rangkaian dan kumpulan pengganas. Hari ini, Internet yang tanpa sempadan serta kecanggihan alat dan teknologi media sosial membolehkan propaganda radikal dan ekstremis tersebar luas.

6. Serangan 11 September 2001 telah mengejutkan masyarakat dunia serta mendedahkan kewujudan rangkaian pengganas trans-nasional. Penyebaran ideologi pelampau oleh gerakan seperti Al-Qaeda dan Jemayaah Islamiyah menerusi teknologi maklumat merupakan tren radikalisme yang menjelas keselamatan sejagat. Rangkaian-rangkaian pengganas telah menggunakan Internet sebagai wadah untuk melancarkan dan menyebarkan ideologi mereka. Mereka merekrut ahli-ahli pengganas menerusi ruang sembang maya (*virtual chatroom*) dan kafe internet yang tumbuh seperti cendawan selepas disirami hujan.

7. Singapura turut terjejas oleh fenomena ini. Terdapat beberapa kes-kes individu yang menjadi radikal setelah terpengaruh dengan propaganda pelampau dalam talian. Masyarakat Islam Singapura terkejut menerima berita tentang penahanan seorang bekas peguam yang berpendidikan tinggi yang telah terjebak dengan radikalisme dalam talian (*online radicalism*) pada tahun 2007. Walaupun dia tidak mempunyai talian rasmi dengan mana-mana rangkaian pengganas, dia begitu terpengaruh dengan propaganda pihak pelampau yang didapatinya di beberapa laman Internet sehingga bersedia melaksanakan jihad militan di Afghanistan.

8. Pada tahun 2010, seorang lelaki berusia 20 tahun menjadi radikal setelah melungsuri Internet untuk mencari propaganda dan video jihad. Dia kemudiannya berhubungan dalam talian bersama Anwar Al-Awlaki, seorang radikal terkenal, dan seorang perekrut Al-Qaeda yang mengajaknya berjuang di Afghanistan. Dia mencari maklumat cara membuat alat letupan dan memuat naik video yang mengagungkan dan mewajarkan pengeboman bunuh diri. Dia kemudiannya ditahan di bawah ISA.

9. Pasca-2014 menyaksikan tren radikalisme dalam talian menjadi lebih rumit. Dengan wujudnya media sosial dan kumpulan pelampau ISIS yang aktif menggunakan pelbagai platform media digital seperti Facebook, YouTube, Instagram dan Twitter, penyebaran propaganda ekstremisme semakin meluas. Ideologi radikal disebarluaskan oleh ekstremis agama melalui pelbagai platform dalam dan luar talian. Platform sebegini menyediakan ruang alternatif kepada ajaran Islam arus perdana dan menjadikan individu sebagai mangsa dengan memprovokasi emosi mereka.

10. Media sosial telah membolehkan penyebaran doktrik-doktrin agama yang bersifat ekstrem. Ini termasuklah penyebaran konsep-konsep seperti *jihad*, *al-wala wal bara'*, *hijrah*, *hakimiyah*, *darul Islam darul Harb* dan lain-lain lagi konsep yang bersifat ekslusivis. Penyebaran doktrin-doktrin sedemikian dijalankan menerusi cara yang halus dan kreatif. Majalah *Dabiq* dan *Rumiyah* yang diterbitkan ISIS telah berjaya mendapatkan perhatian masyarakat Islam sejagat dengan grafiknya yang menarik dan cara penulisan yang meyakinkan pembaca. Video-video yang diterbitkan juga turut menambat hati beberapa pengguna Internet dengan paparan cerita yang menyayat hati. Begitu juga dengan penerbitan ‘MEMEs’ dan ‘GIFs’ yang mengajak para belia untuk menyertai kempen ekstremismee mereka.

11. Akibatnya, beberapa pengguna Internet Singapura didapati menjadi radikal setelah terpengaruh dengan propaganda ekstremismee dalam talian. Maka timbulah fenomena baru di Singapura di mana individu menjadi radikal secara sendiri (self-radicalised). Secara umumnya, dalam kes-kes seperti ini, para ibu bapa tidak tahu mengenai kegiatan dalam talian anak mereka. Lantas mereka terkejut apabila hal ini diketahui mereka.

12. Pada tahun 2015, seorang pelajar pos-menengah berusia 19 tahun telah membuat rancangan memasuki kumpulan pengganas ISIS setelah terdedah kepada propaganda pengganas dalam talian. Dia percaya dengan ideologi dan taktik ganas mereka. Dia mula berkawan dengan individu dalam talian yang dia percaya mampu membantunya menyertai ISIS. Dia telah aktif melayari Internet untuk mendapatkan maklumat mengenai laluan perjalanan ke Syria supaya dia boleh terlibat dalam keganasan bersenjata di sana dan telah melakukan penyelidikan lanjut untuk membuat alat letupan. Terkini, pada Julai 2017, seorang

wanita berusia 22 tahun telah ditahan kerana didapati telah terpengaruh dengan propaganda pengganas ISIS. Dia telah memuatnaikkan bahan-bahan propaganda pelampau di akaun media sosialnya. Selain itu, dia juga telah berhasrat untuk bernikah dengan militan ISIS dan berhijrah ke Syria.

## **FAKTOR-FAKTOR KERENTANAN YANG MENYEBABKAN RADIKALISASI**

13. Sebahagian daripada langkah kami untuk membasmi radikalisme dan ekstremisme, perlu untuk kita mengenal pasti apakah faktor-faktor kerentanan (*vulnerability*) yang mendorong individu untuk terjebak dalam kancang radikalisme. Kumpulan yang disasarkan kumpulan radikal ialah

- a) Individu yang kurang pengetahuan asas agama Islam
- b) Individu yang baru sahaja berjinak-jinak dengan pengetahuan Islam dan terpedaya hanya dengan suatu naratif yang bersifat ekstrem dan radikal.
- c) Individu yang mungkin mempunyai pengetahuan agama asas, tetapi sumber pengetahuan agama mereka adalah bermasalah yang boleh menjerumuskan mereka ke kancang radikalisme.

14. Secara amnya, kumpulan pengganas seperti ISIS memanfaatkan faktor-faktor kerentahanan individu dengan menggunakan pendekatan berikut:

- a) Mengeksplorasi kurang fahaman konflik geopolitik**
  - i. Mereka menyemarakkan emosi individu dengan menonjolkan bagaimana umat Islam ditindas di beberapa negara lain.
  - ii. Mereka menyediakan saluran atau platform di mana keluhan dan simpati ini boleh ditonjolkan menerusi aktiviti ekstremisme
  - iii. Mereka membakar sentimen sektarianisme dan mempromosikan absolutisme agama.

**b) Kurang keyakinan terhadap identiti kewarganegaraan**

- i. Mereka menggongangkan keyakinan kaum Muslimin untuk menetap di negara sekular dan masyarakat plural.
- ii. Mendesak masyarakat Islam yang menetap sebagai golongan minoriti untuk berhijrah ke wilayah ‘Darul Islam’ yang mereka tubuhkan.
- iii. Mereka menyebarkan doktrin yang bersifat bermusuhan antara wilayah menerusi pola dunia yang terbahagi kepada Darul Islam dan Darul Harb.

15. Demi menangani penyebaran propaganda dan doktrin radikalisme dan ekstremisme di alam maya, khususnya di wadah media sosial, Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) mengambil pendekatan berikut:

- a) Meluaskan platform pembelajaran agama dan mempertingkatkan kredibiliti autoriti agamawan tempatan.
- b) Membina daya tahan masyarakat Islam Singapura dengan mempromosikan secara pro-aktif naratif Islam yang bersifat positif dan membendung ideologi radikalisme dengan menangkal propaganda yang disebarluaskan mereka.
- c) Memberikan kefahaman bersifat kontekstual terhadap kefahaman agama Islam dan memahami konflik sosio-politik dunia secara kritikal dan mendalam.

**MEMBASMI RADIKALISME MENERUSI WADAH MEDIA SOSIAL**

16. Salah satu langkah utama yang diusahakan Muis dalam menangani penularan propaganda ekstremisme dan radikalisme di mesia sosial ialah dengan menyediakan kandungan-kandungan pendidikan Islam yang kreatif dalam talian.

## YouTube

17. Saluran YouTube Pejabat Mufti telah dilancarkan pada 2011. Saluran ini memuat naik video-video yang menerangkan pelbagai konsep agama dengan suntingan yang santai dan padat. Antara video-video yang dipaparkan ialah sorotan khutbah jumaat dan hari raya yang diterbitkan Pejabat Mufti.
18. Bahan-bahan yang dimuatnaikkan bertujuan untuk meyebarkan naratif positif mesej Islam seperti yang terkandung dalam etos atau identiti masyarakat Islam Singapura. Ini termasuklah (i) masyarakat yang berdaya tahan, (ii) inkusif, (iii) menyumbang kepada masyarakat dan negara, (iv) mampu menyesuaikan dengan perubahan konteks dan (v) progresif.
19. Selain dari bahan-bahan daripada khutbah, terdapat juga video-video yang dipetik daripada kelas-kelas dan ucapan-ucapan yang diberikan oleh Mufti yang mengajak masyarakat Islam ke arah pembangunan agama yang positif, contohnya video yang bertajuk *Ramadan & Rahmah*. Selain dari video yang memaparkan Mufti, saluran YouTube Pejabat Mufti juga turut memuatkan video-video wawancara dan sorotan daripada pembentangan ulama' dan tokoh agama tersohor yang telah hadir di Singapura. Ini termasukan video Syeikh Abdallah Bin Bayyah dan Dr Jasser Auda. Kedua-dua video ini mengajak masyarakat Islam untuk berfikiran kritikal, menghargai maqasid dan maslahah, serta memahami konteks dalam pengamalan Islam di Singapura.
20. Video-video yang diterbitkan tidak hanya terhad kepada penyebaran naratif positif, tetapi juga yang bersifat mencabar hujah-hujah dan doktrin-doktrin radikal. Selanjutnya, akan diterbitkan siri video singkat yang menerangkan konsep-konsep seperti *hijrah*, *khilafah*, *darul Islam darul harb*, *hakimiyah* dan sebagainya bagi memberikan kefahaman kontekstual dan kritikal terhadap doktrin-doktrin yang diperjuangkan puak pelampau. Kami juga bakal menerbitkan film pendek seperti yang telah diusahakan di beberapa negara dalam membasmi ideology ekstremisme. Ini antara usaha-usaha untuk menangkis populariti video-video radikal yang tersebar luar di media sosial.

21. Selain dari saluran YouTube Pejabat Mufti, para asatizah tempatan juga turut mempunyai saluran YouTube mereka sendiri. Antaranya ialah saluran AskUstaz TV memaparkan video-video soal-jawab agama, termasuk bahan-bahan yang mebidas fahaman pelampau. Saluran Syukran.Com pula memuatnaikkan video-video yang lebih santai, seperti vlog yang membincangkan isu-isu keagamaan dan cara hidup (*lifestyle*) harian Muslim.

#### Instagram

22. Dalam usaha untuk menambat hati lebih ramai golongan muda hari ini, wadah Instagram kini digunakan bagi memuatnaikkan bahan-bahan berbentuk gambar, grafik dan video singkat yang menerangkan secara tuntas bahan-bahan keagamaan. Antara posting-posting yang dipaparkan ialah kegiatan harian Mufti, di sebalik tabir kerja-kerja Pejabat Mufti dan penerangan tuntas kepada beberapa isu-isu keagamaan.

23. Selain dari akaun Pejabat Mufti, pengelola pendikan Islam arus perdana seperti Program Pendidikan Islam Dewasa (ADIL) dan Program Pendidikan Islam Belia dan Kanak-Kanak (aLIVE) turut aktif di Instagram. Mereka menggunakan Instagram untuk berinteraksi dengan para peserta program-program tersebut. Akaun-akaun ini turut menyertakan posting-posting kreatif bagi menyebarkan pengetahuan agama arus perdana di wadah Instagram.

24. Begitu juga, terdapat beberapa akaun-akaun Instagram para asatizah tempatan yang kian semakin popular dalam talian. Mereka memainkan peranan penting dalam menjadi ikon media sosial kepada masyarakat Islam yang ingikan pegetahuan agama.

25. Wadah Instagram digunakan untuk mempopularkan autoriti agama tempatan kepada generasi muda. Dengan memberikan sekilas pandang akan kegiatan harian Pejabat Mufti, ia dapat mendekatkan kepimpinan agama dengan golongan muda. Ini antara usaha-usaha untuk menjadikan agamawan tempatan terus kekal sebagai sumber rujukan agama utama oleh masyarakat Islam tempatan. Dengan membina keyakinan kepada masyarakat awam, diharapkan anasir-anasir negatif dan ekstremisme dapat ditangkis dengan lebih berkesan.

## Facebook

26. Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) mempunyai akaun Facebook yang diminati seramai 47,000 pengguna Facebook. Akaun Facebook Muis ini memaparkan bahan-bahan keagamaan yang bersesuan dengan konteks masyarakat majmuk Singapura. Antara bahan-bahan yang dimuatnaikkan di Facebook Muis termasuklah infografik yang menerangkan pengetahuan agama dengan cara yang singkat dan ‘bite-size’. Contohnya, dalam menghuraikan konsep Darul Islam dan Darul Harb, Muis telah mengeluarkan infografik bagi mendapatkan perhatian pengguna Facebook. Begitu juga, dalam mencorak identiti masyarakat Islam Singapura yang berdaya tahan dan yakin dengan kewarganegaraannya, infografik mengenai isu tersebut turut diserbarkan. Dalam menangani isu konflik geopolitik, Facebook Muis akan mengajak masyarakat untuk menyalurkan bantuan kemanusian kepada badan-badan yang boleh dipercayai, khususnya Yayasan Rahmatan Lil Alamin (RLAF).

27. Bagi merancakkan lagi jangkauan media digital, Facebook Muis bakal menggunakan wadah Facebook Live, di mana sesi dialog secara dalam talian bersama Mufti dan para asatizah tempatan dapat dijalankan. Ini akan dapat menghubungkan golongan agamawan dengan masyarakat awam dengan lebih dekat. Wadah sedemikian membolehkan mereka untuk merujuk kepada asatizah tempatan bagi mendapatkan jawapan kepada pelbagai kemosykilan agama. Ini juga merupakan antara usaha bagi memastikan agamawan terus kekal relevan dalam era media sosial dan mereka terus dijadikan sumber rujukan dan saluran bimbingan utama masyarakat Islam Singapura.

28. Rakankerja Muis, Kumpulan Pemulihan Keagamaan (RRG) juga kian aktif dalam memuatnaikkan mesej-mesej pendek mengenai nasihat menangani fahaman radikal di Internet di laman Facebooknya agar mudah difahami masyarakat.

## Aplikasi Bijak

29. Kumpulan RRG juga turut menyediakan aplikasi bijak sebagai salah satu usaha membasmi radikalisme. Aplikasi ini membolehkan pengguna untuk berbicara

dengan para asatizah untuk membincangkan isu-isu berkaitan dengan ekstremisme dan pengganasan. Aplikasi ini juga membolehkan pengguna menerima pemberitahuan daripada RRG dan membuat tempahan untuk lawatan ke pusat Sumber dan Kaunseling RRG. Dengan aplikasi ini, pengguna dapat mengetahui isu-isu mengenai ancaman ideologi ekstrem dan bagaimana ianya dapat dibendung dari awal.

## **MEMBINA KEMAHIRAN MEDIA DIGITAL**

30. Usaha-usaha mendampingi masyarakat menerusi media sosial dan platform dalam talian telahpun dijalankan untuk beberapa tahun. Walau bagaimanapun, Muis akur bahawa usaha ini perlu dirancakkan lagi, memandangkan pihak penganas seperti ISIS semakin bersemangat menyasarkan rantau Asia Tenggara, sehinggakan teater pertelingkahan tersebar ke selatan Filipin. Lantas, sejak dua tahun lalu, Muis juga memberikan tumpuan kepada pembangunan kemahiran kepada para asatizah, ibu bapa serta para belia Muslim dalam menggunakan media sosial.

### Pembangunan Keupayaan Asatizah

31. Muis menubuhkan Rangkaian Asatizah Muda bagi menangani menentang anasir radikalisme dalam talian. Rangkaian tersebut bertujuan menentang ideologi radikal dan fahaman pelampau, terutamanya di media sosial. Para anggota rangkaian ini diberi latihan profesional dalam pelbagai kemahiran, seperti memahami lanskap media sosial, bagaimana meningkatkan kehadiran mereka dalam media sosial, cara mendampingi belia di media sosial, lalu membanteras fahaman radikal. Mereka juga turut dilatih dalam bidang kaunseling belia, agar dapat juga menawarkan sokongan dan bimbingan kepada para belia, di dunia maya mahupun dunia nyata.

## **PENDEKATAN PELBAGAI PIHAK**

32. Usaha menentang anasir radikalisme dan ekstremisme memerlukan kerjasama dari pelbagai pihak. Ianya merupakan usaha kolektif yang memerlukan synergy bersama oleh pihak pemerintah, swasta dan masyarakat.

### Kerjasama dengan pihak swasta

33. Salah satu usaha Muis ialah membina kerjasama erat antara badan-badan swasta, iaitu pengendali Internet seperti Google dan Facebook.

34. Algoritma media sosial membolehkan pengguna membiasakan diri kepada kandungan serupa yang mereka minati sahaja. Ini mengukuhkan kecenderungan pandangan atau orientasi tertentu seseorang. Ia membantu pengguna berhubungan dengan individu yang berfikiran serupa, termasuk mereka yang sudah mempunyai pandangan dan kepercayaan ekstrem.

35. Bagi mereka yang sedang mencari pandangan ekstrem di Internet, algoritma media sosial boleh membantu mengukuhkan kecenderungan radikal dalam diri seseorang dan menghubungkan mereka dengan masyarakat maya yang sudah pun mempunyai pandangan ekstrem. Contohnya, jika seseorang mencari maklumat video dalam talian mengenai jihad, beliau akan tetap terus dibawa ke laman web atau video yang berkaitan dengan jihad berdasarkan sejarah Internet pengguna.

36. Oleh yang demikian, Muis menjalinkan kerjasama dengan pihak Google, YouTube dan Facebook, agar pendedahan kepada kandungan-kandungan ekstremisme dan radikalisme dapat dikekang bersama. Sebagai contoh, menerusi kaedah ‘redirect method’, sebarang pencarian kandungan ekstremisme akan dialihkan kepada sumber-sumber yang positif dan kandungan yang menentang fahaman radikalisme.<sup>4</sup> Langkah ini perlu bagi menekan penularan bahan-bahan radikalisme yang kian dipaparkan menerusi kaedah algoritma media sosial.

---

<sup>4</sup> Sila lihat <https://www.wired.com/2016/09/googles-clever-plan-stop-aspiring-isis-recruits/>

## Memperkasakan Ibu Bapa Dalam Memahami Radikalisme Dalam Talian

37. Salah satu lagi langkah untuk menentang radikalisme ialah dengan memperkasakan para ibu bapa untuk memelihara anak-anak mereka dari terpengaruh dengan anasir ekstremisme di media sosial. Ibu bapa perlu memainkan peranan mendidik anak-anak supaya dapat membezakan maklumat yang betul dengan yang mencurigakan. Ini dapat dilakukan bermula dari pencelahan di peringkat awal seperti menanamkan kemahiran di dalam diri anak-anak mereka supaya mereka peka dan kritis dalam membezakan sesuatu maklumat diterima.

38. Pelbagai program dijalankan agar ibu bapa terdedah kepada cara-cara efektif untuk membendung penularan ideologi pelampau. Sebagai contoh, Muis menganjurkan seminar keibubapaan yang melatih para ibu bapa agar lebih peka dengan tren penggunaan media sosial oleh anak mereka. Ini kerana, anak-anak mereka keraap menggunakan media sosial, justeru mereka terdedah kepada pelbagai maklumat atau ideologi keagamaan yang masih belum pasti akan kesahihannya.

## **RUMUSAN**

39. Sememangnya, penularan propaganda radikalisme dan ekstremisme perlu dibendung. Penggunaan teknologi maklumat, menerusi wadah media sosial yang dieksploitasi pihak pelampau perlu dikikis. Usaha sedemikian memerlukan kerjasama semua pihak dan entiti berkanun. Ia juga memerlukan komitmen yang serius dan perancangan yang rapid dan strategi yang efektif. Para agamawan khususnya perlu terus memastikan agar mereka kekal relevan dan terus dijadikan sumber rujukan utama.